

ICPIS UMS ke-3 dijangka tarik 100 ahli akademik

UB 07.04.2022 P.03

KOTA KINABALU: Persidangan Antarabangsa Politik dan Pengajian Antarabangsa (ICPIS) Kali-3 dijangka dapat menarik 100 penyertaan ahli akademik serta pemikir berkaitan politik dan hubungan antarabangsa di Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Pengerusi Pengajian Dr Azizan Had berkata persidangan tahunan yang dianjurkan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) itu dijadual diadakan 29 Sept melalui kaedah pembentangan secara dalam talian.

“Persidangan ini akan membincangkan tentang pelbagai isu politik dan isu-isu semasa Malaysia yang berkaitan dengan hubungan antarabangsa,” katanya.

Azizan yang juga Pensyarah Kanan Falsafah dan Isu Semasa di Kampus UMS Sandakan menegaskan persidangan itu juga bertujuan menonjolkan peranan PPIB dan UMS sebagai institusi rujukan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Menurutnya, persidangan dalam bahasa Inggeris dan



DR AZIZAN

bahasa Melayu itu mengambil tema ‘Volatility, Uncertainty, Complexity and Ambiguity in Politics and International Studies’.

Beliau seterusnya memaklumkan bahawa persidangan itu dijangka mampu menarik penyertaan para peserta yang terdiri daripada kalangan pensyarah dan pelajar institusi pengajian tinggi dari dalam dan luar negara.

Katanya, hasil-hasil kajian yang dibentangkan akan diterbitkan dalam bentuk e-prosiding dan bahan ber cetak.